

# Fadzil Noor nafi perebutan jawatan penting

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

ALOR STAR, Khamis — Timbalan Yang Dipertua Pas, Haji Fadzil Noor menolak kemungkinan berlaku perebutan bagi beberapa jawatan penting dalam parti itu di muktamar agung ke-35 Pas di Kuala Lumpur dari 31 Mac hingga 2 April depan.

Menurutnya, dalam Pas tidak pernah berlaku perebutan jawatan.

"Bagaimanapun ia bergantung kepada muktamar yang akan diadakan itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau yang menjalankan tugas-tugas Yang Dipertua berikutan penyerahan tugas itu oleh Yang Dipertua parti, Haji Yusuf Rawa, atas sebab kesihatan, berkata tugas itu akan dijalankan sehingga ke tarikh muktamar agung itu.

Mengenai jawatan Yang Dipertua, beliau berkata, beliau belum membuat sebarang keputusan sama ada menerima atau tidak jawatan itu.

"Saya menyerahkan perkara itu kepada ahli di semua kawasan bagi menentukan siapa yang akan dicalonkan," katanya.

Semalam, Haji Yusuf berkata, beliau menyokong 'seratus peratus' Haji Fadzil menjadi Yang Dipertua Pas yang baru, jika ada pencalonan.

Haji Fadzil berkata, pencalonan semua jawatan dalam parti boleh dibuat dalam mesyuarat Pas kawasan masing-masing mulai sekarang dan hingga tarikh pada 15 Mac depan.

## Perbincangan

Katanya, Pas kini mempunyai 121 kawasan, termasuk di Sabah dengan lebih 300,000 ahli.

Menjawab soalan, Haji Fadzil berkata, Pas sedia berbincang dengan Umno mengenai perpaduan dalam Islam seperti yang diadakan dengan Semangat 46.

Menurutnya, perpaduan di kalangan umat Islam penting kerana melaluinya akan dapat memperkukuhkan kedudukan negara ini.

Bagaimanapun, katanya setakat ini belum ada sebarang perbincangan dengan Umno mengenai perkara itu.